

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI
[LAHAD DATU]**

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI [LAHAD DATU] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewajibkan insurans pelancongan bagi pelancong dari luar negara pasca pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara umumnya, pembelian insurans perjalanan oleh pelancong sama ada pelancong domestik mahupun pelancong asing boleh membantu meringankan beban sekiranya mereka ditimpa musibah semasa melancong.
2. Pada masa ini, semua pelancong tidak diwajibkan namun digalakkan untuk membeli insurans bagi perlindungan diri semasa mereka melancong.
3. Cadangan untuk mewajibkan pembelian insurans oleh pelancong ini sedang diteroka oleh MOTAC. Penelitian ini membabitkan pelbagai pihak termasuk Kementerian dan agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Kewangan dan juga penggiat industri bagi menilai setiap kelebihan serta apa-apa implikasi sebelum satu dasar mengenai perkara ini diputuskan kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]
TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan dengan situasi COVID-19 yang semakin teruk, bagaimanakah Kementerian dapat memastikan bahawa pelajar-pelajar dan guru-guru boleh kembali ke sekolah dengan selamat seperti yang diumumkan dan apakah keyakinan Kementerian untuk dapat memberi kesemua pelajar vaksinasi sebelum tarikh berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka satu pelan komprehensif pembukaan semula sekolah bagi memastikan murid dapat kembali belajar secara bersemuka di sekolah dalam keadaan selamat.

Dalam merangka pelan ini, KPM telah mengadakan sesi libat urus yang menyeluruh bagi mendapatkan input, pandangan serta cadangan berhubung pembukaan semula sesi persekolahan. Sesi libat urus ini melibatkan kumpulan pentadbir sekolah, guru dan juga wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di negeri Perlis, Negeri Sembilan, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan. KPM juga telah mengadakan sesi libat urus melibatkan kumpulan pakar dari sektor kesihatan awam, pendidikan, psikologi kanak-kanak dan pediatrik. Sesi tersebut juga

melibatkan wakil Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia dan Majlis Pengetua Sekolah Malaysia. Selain itu, KPM turut mendapatkan pandangan daripada calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2021, termasuk calon dalam kalangan Murid Berkeperluan Khas (MBK).

KPM juga telah membuat analisis amalan terbaik pembukaan semula sekolah di negara-negara lain bagi meneliti pendekatan yang berkesan dalam memastikan pengoperasian sekolah secara bersemuka dapat dilaksanakan dalam keadaan yang selamat.

Berdasarkan input daripada sesi libat urus dan dapatan analisis, KPM telah membuat penambahbaikan kepada kerangka asal pelan komprehensif pembukaan semula sekolah. Kerangka ini kemudiannya diperincikan bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Mengambil kira situasi semasa, termasuk kadar vaksinasi dalam kalangan guru, anggota kumpulan pelaksana dan pekerja perkhidmatan sokongan serta pandangan KKM dan MKN, KPM telah mengumumkan bahawa sekolah akan dibuka untuk pengajaran dan pembelajaran (PdP) bersemuka mulai 3 Oktober 2021 bagi negeri kumpulan A dan 4 Oktober 2021 bagi negeri kumpulan B. Pembukaan sekolah dibuat secara berperingkat mengikut fasa dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Bagi negeri di Fasa 1 PPN, tiada sekolah yang akan dibuka untuk PdP secara bersemuka. Bagi negeri di Fasa 2 PPN pula, kehadiran murid sekolah rendah secara bersemuka hanya melibatkan MBK di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Untuk sekolah menengah di fasa ini, MBK di Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas (SMKPK), Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) hadir secara bersemuka. Selain itu, murid Tingkatan 6 Semester 2, *International Baccalaureate Diploma* (IBD) Tahun 2, kelas peperiksaan antarabangsa (IGCSE O-Level, A-Level, Australia Higher School Certificate dan IBD) dan Program

Prauniversiti Semester 3 di Sekolah Sukan Malaysia (SSM) turut hadir bersemuka. Murid lain akan melaksanakan PdPR.

Bagi negeri di Fasa 3 PPN, murid yang akan hadir ke sekolah adalah semua kumpulan murid di Fasa 2. Selain itu, prasekolah juga akan mula beroperasi. Bagi peringkat sekolah menengah, semua murid kelas peperiksaan awam, kelas peperiksaan antarabangsa dan Program Prauniversiti di SSM juga akan mula hadir ke sekolah. Murid lain akan melaksanakan PdPR.

Bagi negeri di Fasa 4 PPN, murid yang akan hadir ke sekolah adalah semua kumpulan murid di Fasa 3. Untuk sekolah rendah, selepas 2 minggu, murid Tahun 1, 2 dan 3 akan hadir ke sekolah. Selepas 2 minggu berikutnya, murid Tahun 4, 5 dan 6 pula akan mula hadir ke sekolah. Untuk sekolah menengah, selepas 2 minggu, murid Tingkatan 3 dan 4 akan hadir ke sekolah. Selepas 2 minggu berikutnya, murid peralihan, Tingkatan 1 dan 2 pula akan mula hadir ke sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga mengambil ketetapan untuk mengehadkan kapasiti murid di sekolah pada kadar 50 peratus enrolmen keseluruhan. Bagi tujuan tersebut, kaedah yang digunakan adalah dengan mengehadkan kapasiti murid di dalam kelas kepada 50 peratus daripada jumlah murid dalam kelas tersebut. Justeru, sistem penggiliran murid hadir ke sekolah mengikut minggu akan dilaksanakan. Kaedah ini diguna pakai untuk semua kelas kecuali:

- i. MBK di SKPK/SMKPK/SMPKV dan PPKI;
- ii. murid di Tingkatan 6 Semester 2 dan IBD Tahun 2;
- iii. murid di sekolah asrama sepenuhnya;
- iv. murid kelas peperiksaan antarabangsa;
- v. murid prasekolah/tadika swasta/pusat perkembangan minda (4-6 tahun); dan
- vi. murid di Sekolah Kurang Murid (kurang 150 murid).

Selain daripada pendekatan di atas, KPM juga telah mengambil beberapa ketetapan lain bagi mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat. KPM menetapkan bahawa hanya guru dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) yang lengkap divaksin sahaja dibenarkan untuk

melaksanakan PdP di dalam kelas dan berinteraksi dengan murid. Selain itu, hanya pekerja perkhidmatan sokongan yang lengkap divaksin sahaja dibenarkan memasuki dan bekerja di dalam kawasan sekolah.

KPM juga memantau rapi kadar vaksinasi warga sekolah yang layak divaksin. Sehingga 18 September 2021, seramai 373,022 orang guru (90.1 peratus) telah lengkap divaksin. Manakala, seramai 57,288 orang anggota kumpulan pelaksana (AKP) (85.4 peratus) telah lengkap divaksin. Selain daripada itu, seramai 90,341 orang pekerja perkhidmatan sokongan (76.7 peratus) melibatkan pekerja kawalan keselamatan, kebersihan, dewan makan, kantin sekolah dan pemandu van sekolah telah lengkap divaksin. KPM sentiasa bekerjasama rapat dengan Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) bagi memastikan kadar vaksinasi dalam kalangan guru, AKP dan pekerja perkhidmatan sokongan dapat terus ditingkatkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian vaksin kepada murid sekolah adalah tertakluk kepada ketetapan pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan KKM berdasarkan kesediaan bekalan vaksin. KPM bekerjasama dengan KKM dan CITF bagi membantu pendaftaran murid sekolah untuk tujuan vaksinasi serta mengenal pasti sekolah-sekolah untuk dijadikan pusat pemberian vaksin (PPV) kepada murid sekolah. KPM turut membantu dalam menyediakan petugas dan keperluan logistik untuk tujuan ini.

KPM turut mewajibkan pemakaian pelitup muka kepada semua warga sekolah termasuk murid. Murid yang bergejala tidak dibenarkan hadir ke sekolah bagi mengelakkan risiko jangkitan dalam kawasan sekolah. Semua sekolah perlu memastikan pengudaraan yang baik di dalam kelas. Murid akan makan di dalam kelas semasa waktu rehat dengan seliaan guru. Bagi kelas yang menggunakan penyaman udara pula, murid perlu makan di ruang terbuka dengan seliaan guru.

Pada masa yang sama, prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh KKM seperti kerap mencuci tangan, saringan suhu badan serta penjarakan fizikal akan terus dilaksanakan di dalam sekolah.

Bagi murid yang akan pulang ke sekolah asrama sepenuhnya, KPM akan melaksanakan ujian saringan COVID-19 menggunakan kit ujian sendiri COVID-19 ke atas murid sebanyak 3 kali, iaitu semasa pendaftaran masuk, hari ke-6 dan hari ke-14. Bagi murid asrama harian, ujian saringan COVID-19 menggunakan kit ujian sendiri COVID-19 akan dilaksanakan semasa pendaftaran masuk. Selain itu, kit ujian sendiri COVID-19 akan disediakan bagi kegunaan sekolah harian untuk membuat saringan awal sekiranya terdapat murid yang menunjukkan gejala ketika di sekolah.

Bagi memastikan kelancaran pengoperasian sekolah, KPM telah menyediakan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 sebagai rujukan kepada jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan pentadbir serta guru.

Kerangka pelan pembukaan sekolah ini adalah satu perancangan komprehensif KPM bagi memastikan pengoperasian sekolah secara bersemuka berjalan dengan teratur dan selamat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]**

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SIM CHEE KEONG minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci berapa hari persekolahan yang melibatkan PdPR dari tahun 2020 sehingga kini. Bagaimana Kementerian mengukur keberkesanan PdPR.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) apabila kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020.

Bagi tahun 2020, jumlah keseluruhan hari PdPR sekolah rendah bagi murid Tahun 1 hingga Tahun 4 adalah sebanyak 107 hari manakala murid Tahun 5 dan Tahun 6 adalah sebanyak 102 hari. Jumlah keseluruhan hari PdPR sekolah menengah bagi murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 4 adalah sebanyak 102 hari, manakala murid Tingkatan 5 dan Tingkatan 6 adalah sebanyak 87 hari.

Bagi tahun 2021, jumlah keseluruhan hari PdPR sekolah rendah bagi murid prasekolah, Tahun 1, Tahun 2 dan PPKI adalah sebanyak 98 hari

manakala murid Tahun 3 hingga Tahun 6 adalah sebanyak 103 hari. Jumlah keseluruhan hari PdPR sekolah menengah tahun 2021 bagi murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 adalah sebanyak 118 hari manakala murid Tingkatan 6 Semester 2 mengikuti PdPR sebanyak 70 hari.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada sistem persekolahan. Sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka menjadi lebih singkat apabila sekolah ditutup bagi membendung penularan COVID-19. Dalam tempoh tersebut, KPM telah menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) mengikut kesesuaian guru dan murid.

Bagi menilai tahap keberkesanan PdP semasa tempoh penutupan sekolah, KPM telah melaksanakan Kajian Keberkesanan Pelaksanaan *Home-based Learning* yang ditadbir secara dalam talian. Kajian ini memfokuskan kepada PdPR semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Skop kajian meliputi aspek pelaksanaan PdPR dalam tempoh Mac hingga Julai tahun 2020 yang merangkumi pendekatan, kaedah, strategi, aplikasi dan peralatan yang digunakan. Selain itu, kajian tersebut juga melihat kepada penjadualan PdPR, penyusunan semula Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) dan pentaksiran. Kajian ini melibatkan 13,156 orang pentadbir sekolah, 39,967 orang guru, 52,413 orang murid dan 59,624 orang ibu bapa/penjaga.

Dapatan kajian menunjukkan pelibatan murid di bandar dalam PdPR secara dalam talian adalah sebanyak 59.3 peratus berbanding 51.4 peratus bagi murid di luar bandar. Bagi RPT pula, 46.2 peratus guru di bandar mencapai sasaran pelaksanaan berbanding dengan 39.1 peratus guru di luar bandar.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan tahap keberkesanan PdPR adalah pada tahap sederhana. Sebanyak 34.1 peratus murid menyatakan hasil pembelajaran di rumah adalah tidak seperti yang diperoleh di sekolah.

NO. SOALAN: 67

Selain itu, 51.2 peratus murid berasa tertekan semasa pembelajaran di rumah. Daripada kumpulan tersebut, 48.9 peratus murid menyatakan sebab tertekan adalah kerana interaksi yang terhad dengan guru, manakala 55.0 peratus murid tertekan disebabkan interaksi terhad dengan rakan-rakan. Sebanyak 53.4 peratus murid pula tertekan disebabkan kurang bimbingan dalam sesi pembelajaran.

Sebaliknya, terdapat murid menganggap PdPR merupakan suatu pengalaman baharu. Sebanyak 56.6 peratus murid berjaya melibatkan diri secara aktif semasa sesi pembelajaran di rumah dan 49.7 peratus murid berasa seronok semasa mengikuti PdPR. Sebanyak 57.5 peratus murid berjaya menyiapkan tugas atau latihan yang diberikan oleh guru dalam masa yang ditetapkan. Dapatan kajian juga menunjukkan sebanyak 36.0 peratus murid boleh belajar sendiri menggunakan bahan pembelajaran di rumah dalam tempoh PKP.

Selain daripada pelaksanaan kajian tersebut, pada suku tahun pertama 2021, KPM telah menjalankan Tinjauan Pelaksanaan PdPR yang melibatkan 500 buah sekolah melalui pemerhatian terhadap PdPR yang dilaksanakan dalam talian atau gabungan dalam dan luar talian. Pemerhatian dilaksanakan melalui kehadiran Nazir Sekolah dalam kelas PdPR secara dalam talian. Pemerhatian ini dimaklumkan lebih awal kepada guru yang terlibat.

Sebanyak 1,053 pemerhatian dilaksanakan ke atas PdP guru. Tinjauan mendapati 98.7 peratus guru dapat mengelola isi pelajaran yang diajar mengikut peruntukan masa yang ditetapkan. Sebanyak 97.4 peratus guru berjaya membimbing murid untuk memahami dan menguasai isi, konsep dan fakta berkaitan pelajaran. Sementara itu, 96.7 peratus guru berjaya menarik perhatian murid untuk memberi respons terhadap pembelajaran dan memastikan keterlibatan murid semasa PdPR secara *real-time*.

Hasil tinjauan juga mendapati murid memberi respons positif terhadap tugas yang diberikan oleh guru dalam 97.5 peratus PdPR yang diperhatikan. Murid juga dapat melengkap dan menghantar tugas dengan pelbagai cara antaranya, melalui rakaman video, slaid pembentangan dan *voice call*.

Rumusan daripada tinjauan ini menunjukkan bahawa guru berupaya merangsang murid berfikir dan berkomunikasi dalam PdPR. Guru juga dapat melaksanakan aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan dan menarik minat murid untuk belajar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam memastikan semua murid mengikuti PdPR, data pelaporan pelibatan murid dikumpul secara harian bagi tujuan tindak susul dan intervensi pada peringkat sekolah, daerah dan negeri. Pelibatan murid merujuk kepada penyertaan mereka dalam sesi PdPR sama ada secara dalam talian, luar talian, *off-site* atau gabungan.

Data pelaporan bermula 20 Januari hingga 30 Ogos 2021 menunjukkan peratus murid yang mengikuti PdPR meningkat. Pelibatan murid sekolah rendah meningkat sebanyak 12.1 peratus iaitu daripada 87.1 peratus kepada 99.2 peratus. Pelibatan murid sekolah menengah pula meningkat sebanyak 19.3 peratus iaitu daripada 78.0 peratus kepada 97.3 peratus.

Secara kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan PdPR berhadapan dengan pelbagai cabaran dan kekangan pada peringkat awal. Namun, intervensi yang dilaksanakan oleh KPM telah membantu murid mengikuti PdPR dengan lebih baik.